# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

**Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan produk Jaminan Penghantaran-i. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.**

**BANK RAKYAT**

**JAMINAN PENGHANTARAN-i (SG-i)**

**Tarikh:**

## 1. Apakah produk ini?

Jaminan Perhantaran-i (SG-i) adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada pelanggan pengimport untuk pelepasan barangan (yang diimport melalui Surat Kredit-i) di pelabuhan atau kargo udara, tanpa penyerahan Bil Muatan *(Bill of Lading)* yang merupakan bukti penghantaran barang yang asal. Bank akan mengeluarkan SG-i kepada Syarikat Perkapalan atau Agen untuk membolehkan pengimport, penerima atau pembeli mengambil barang dagangan mereka itu tanpa penyerahan Bil Muatan yang asal.

## 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

Jaminan Penghantaran-i (SG-i) adalah tertakluk kepada prinsip Kafalah bil Ujrah yang merujuk kepada kontrak jaminan atau jaminan yang diberikan oleh satu pihak (Bank) untuk melunaskan liabiliti pihak ketiga jika mereka gagal dengan pembayaran manfa'ah iaitu bayaran untuk sesuatu perkhidmatan

## 3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?

SG- i membolehkan pelanggan untuk mengambil penghantaran barangan dengan segera. Oleh itu, bayaran kelewatan dan caj pergudangan dapat dielakkan.

## 4. Apakah tanggungjawab saya?

Pelanggan adalah untuk menebus SG-i yang dikeluarkan setelah mendapatkan Bil Muatan yang asal dan dikembalikan SG-i itu kepada Bank .

## 5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

Semua kos dan caj yang berkaitan dengan kemudahan ini adalah ditanggung oleh pelanggan.

| Jenis-jenis fi/caj | Kadar/Kos |
|---|---|
| Pengeluaran | 0.1% rata ke atas jumlah invois (min RM50) |
| SG-i yang tidak dikembalikan | *Selepas 3 bulan dari tarikh pengeluaran:*<br>0.5% setahun dikenakan dan seterusnya 3 bulan selepas itu sehingga SG-i dikembalikan (min RM50). |
| Pengesahan “Bill of Lading” dan “Airway Bill” | 0.1% rata ke atas jumlah invois |
| Duti Setem | Kos sebenar |
| Perbelanjaan am (penghantaran) | Kos sebenar |

## 6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Bank mempunyai hak untuk menuntut bayaran penuh daripada nilai invois dan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kelalaian dalam pembiayaan. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.

Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful atau insurans?**

Polisi Kargo Marin mengikut persetujuan di antara pembeli dan penjual (jika berkenaan).

**8. Apakah risiko-risiko utama?**

Setelah pengeluaran SG-i, pelanggan mesti menerima segala dokumen yang diserahkan walaupun terdapat percanggahan didalam dokumen-dokumen tersebut dan perlu mematuhi segala tuntutan pembayaran.

Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau layari www.bankrakyat.com.my

**10. Apa-apa cadangan dan pertanyaan anda boleh diajukan kepada:**

Jabatan Pembiayaan Perdagangan
Level 28 Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 (talian umum)
E-mel: trade@bankrakyat.com.my

atau

Bahagian Perbankan Perniagaan
Level 26 Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-26129600 (talian umum)

**11. Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi:**

Biro Pengaduan Awam
Khidmat Pelanggan, Menara 1
Menara Kembar Bank Rakyat
No. 33 Jalan Travers
50470 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-80-5454
Website:
www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback

atau

Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato 'Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

**12. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan?**

- Surat Kredit-i
- Surat Kredit Export-i
- Surat Kredit Export Pengesahan-i
- Pungutan Bil Import-i
- Pungutan Bil Export-i
- Pembiayaan Bil Export-i
- Pembiayaan Bil Kredit Export-i
- Pembiayaan Perdagangan Tawarruq
- Pembiayaan Modal Kerja Murabahah
- Jaminan Bank-i

**NOTA PENTING:**

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP.
HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DI BACA, DI FAHAM, DI TERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.
PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA SHARIAH BANK RAKYAT PADA 25hb JUN 2015.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 23hb Mei 2019.